

25/06/1998

Johor tidak rebut bekal air kepada Singapura

JOHOR BAHRU, Rabu - Johor lebih suka kepada pendekatan di peringkat kebangsaan dalam urusan bekalan air ke Singapura, sekali gus berpendapat tidak perlu wujud persaingan di antara negeri di Malaysia.

Ini berikutan satu perunding swasta di Malaysia dalam cadangan projeknya berharga RM6.8 bilion, mengemukakan bahawa Pahang boleh mengambil alih fungsi Johor dalam membekalkan air ke Singapura menerusi paip sepanjang 180 kilometer.

Akhbar Straits Times Singapura melaporkan perunding terbabit mengemukakan Pahang sebagai alternatif terbaik bekalan air ke Singapura berikutan ketidaktentuan Johor membekalkan air mentah.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Johor lebih berminat membincangkan perkara itu dalam mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat majlis itu pada Isnin depan. Lebih baik bincang di peringkat majlis itu," katanya di sini, hari ini.

(END)